

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)55

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

55. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju cadangan pembinaan Lapangan Terbang Kulim di Kedah?
- (a) Nyatakan luas kawasan pengambilan tanah Kubang Menerong SPU tujuan untuk projek Lebuhraya Lapangan Terbang Kulim Kedah.
 - (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Lapangan Terbang Bayan Lepas terus mampu berdaya saing?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

55. Pembinaan lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Kulim (KXP) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan pengurusannya dilaksanakan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Kerajaan Negeri berpendapat cadangan pembinaan KXP perlu diteliti secara mendalam dan lebih terperinci. Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri dengan dua (2) laporan yang disediakan oleh juruperunding yang telah melaksanakan kajian kebolehlaksanaan

pembinaan Lapangan Terbang Kulim, pembinaan KXP akan memberi impak yang negatif kepada LTAPP khususnya dan Negeri Pulau Pinang amnya. Kerajaan Negeri berpendirian bahawa pihak Kementerian Pengangkutan perlu meneliti perkara ini sekali lagi dan kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan agar cadangan pembangunan tersebut adalah holistik dan memanfaatkan semua pihak.

- (a) Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, setakat ini tiada permohonan pengambilan balik tanah yang dikemukakan di daerah Seberang Perai Utara (SPU) untuk projek lebuh raya Lapangan Terbang Kulim Kedah.
- (b) Pengurusan dan kerja-kerja menaik taraf lapangan terbang adalah di bawah bidang kuasa MAHB dan diselia oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri komited dalam memberikan kerjasama untuk memastikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terus mampu berdaya saing dengan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Mengadakan penyelarasan bersama pihak MAHB berkenaan perancangan menaik taraf dan pembesaran LTAPP untuk meningkatkan kapasiti keupayaan pengendalian penumpang daripada 6.5 juta kepada 12 juta penumpang setahun;
- (ii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) meluluskan pelan kebenaran merancang bagi pembinaan Bangunan Letak Kereta Bertingkat Fasa Pertama di LTAPP yang akan menyediakan kira-kira 1,720 lot tempat letak kereta untuk kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada para pengguna;
- (iii) Membantu dalam menyediakan maklumat kepada pihak MAHB dalam pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Lapangan Terbang Baru di kawasan utara bagi meneliti impak secara jelas kepada kedudukan LTAPP dan pembangunan ekonomi negeri Pulau Pinang;
- (iv) Menambahbaik kemudahan jaringan jalan raya untuk ke LTAPP, memperkenalkan laluan LRT daripada pusat bandar ke LTAPP dan memperkemaskan

kemudahan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan sebagainya; dan

- (v) Membantu mengadakan sesi libat urus dan perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Invest Penang, *Frepenca*, *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM) dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.